

# Jangan terima bulat syarat baru pinjaman Bank Dunia — Mahathir

KUALA LUMPUR 9 OKT. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan Komanwel supaya jangan menerima bulat syarat-syarat baru pinjaman dan bantuan yang hendak dikenakan oleh Bank Dunia.

Sebagai contoh, katanya, pinjaman tidak akan diberi oleh Bank Dunia jika sesebuah negara ingin membina empangan untuk sumber tenaga elektrik hidro walaupun umum mengetahui ia adalah sumber elektrik yang murah.

Sebaliknya, bank tersebut lebih menggalakkan penubuhan stesen janakuasa bahan api (thermal) yang diketahui walaupun pembinaannya murah, tetapi kos pengendaliannya tinggi.

"Jika diteliti, stesen janakuasa bahan api lebih merosakkan alam sekitar kerana ia mengeluarkan asap berbanding dengan mendirikan empangan yang hanya akan menenggelamkan kawasan-kawasan hutan," jelas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan pembukaan Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Komanwel yang ke-39 di sini hari ini.


Menurut Perdana Menteri, para Menteri Kewangan Komanwel harus menyedari dan bersimpati akan kesukaran yang dialami oleh negara-negara miskin, penerima bantuan kewangan dan pihak yang berhubung.

"Kita tidak seharusnya melindungi perlakuan yang tidak bertanggungjawab tetapi hukuman dengan menyekat bantuan ke negara-negara miskin bukannya satu-satunya cara untuk memperluaskan sesuatu yang tidak betul," tegas beliau.

Katanya, pada masa yang sama, negara yang berhutang dan penerima bantuan kewangan harus menyedari bahawa mereka perlu menerima tindakan yang berpatutan.

"Tiada siapa yang sanggup menghulurkan bantuan jika bantuan yang diberi akan disia-siakan atau digunakan untuk menekan atau mengekalkan pemerintahan kuku besi (authoritarian)," tegas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, penyusunan semula hutang tidak boleh dilakukan dengan hanya meminta si piutang berjimat cermat dan memotong peruntukan pembangunan.



## MESYUARAT MENTERI- MENTERI KEWANGAN KOMANWEL

perdagangan bebas.

Sistem Keutamaan Am (GSP) yang diamalkan oleh Amerika tidak seharusnya digunakan untuk memperlahankan kadar pertumbuhan negara-negara membangun dengan mengenaikan pelbagai syarat.

"Tidak sepatutnya terdapat usaha yang berterusan untuk mengadakan syarat baru dalam

perdagangan. Bagaimanapun, terdapat negara yang merasakan mereka sentiasa diawasi bagaikan penjenayah," ujarnya.

Tetapi kini, katanya, satu syarat baru melibatkan alam sekitar pula diperkenalkan sebagai syarat dan pada masa yang sama, negara-negara maju mendesak supaya keluaran diguna semula.

Langkah ini, kata Dato' Sri Dr. Mahathir boleh menjejaskan negara-negara miskin yang menggunakan teknologi yang dipinjam dengan kepercayaan yang terhad.

Katanya, pada masa yang sama, oleh kerana negara miskin juga merupakan pengeluar bahan-bahan mentah untuk hasil keluaran, penggunaan semula bahan keluaran akan mengurangkan permintaan terhadap bahan mentah.

"Ia akan menjadi satu cemuhan dan penipuan jika negara-negara rakan dapat melepaskan diri dengan sistem diktator dan penindasan sementara negara-negara bukan rakan ditekan dengan pelbagai syarat perdagangan dan bantuan.

Sebaliknya, pihak yang menyediakan pinjaman haruslah menyediakan garis panduan dan bantuan terus serta pada masa yang sama, si piutang mesti sanggup menerima bantuan yang dihulurkan.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, perkara yang sama juga harus dilakukan dalam soal pemberian bantuan kewangan.

Katanya, janganlah menyekat pemberian bantuan kewangan hanya semata-mata kerana mendakwa berlaku pencabulan hak asasi manusia tetapi sebaliknya pemberi bantuan harus mencari jalan bagaimana untuk terus memberikan bantuan kewangan dan pada masa yang sama mengawal pengabaian hak kemanusiaan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, para Menteri Kewangan Komanwel haruslah bersungguh-sungguh dalam mengamalkan